



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 8 November 2022	
1	Kartel, <i>integrator</i> tipu harga ayam peringkat ladang
2	Seludup telur ke Thailand punca bekalan kurang

DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Kartel, *integrator* tipu harga ayam peringkat ladang

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Isu harga ayam yang sentiasa meningkat berbanding harga kawalan ditetapkan kerajaan, antaranya berpunca daripada percaturan licik pemain-pemain industri yang 'menyelitkan' kos tersembunyi

dengan menaikkan harga jualan ayam di ladang ternakan.

Ini dilakukan dengan cara menipu invoice jualan mereka di peringkat ladang dengan menambah 80 sen dalam invoice berasingan kononnya sebagai kos pengangkutan, kos tangkap ayam dan kos sewa bakul.

Penipuan di peringkat la-

dang itu antara punca mengakibatkan seluruh rantaian industri termasuk peringkat borong dan runcit, terpaksa menaikkan harga ayam lebih tinggi berbanding harga kawalan yang ditetapkan.

Menurut sumber industri kepada *Utusan Malaysia*, berdasarkan maklumat, penipuan

berlaku di peringkat ladang apabila kartel ayam dan penternak bersepadu (*integrator*) menaikkan harga jualan ayam peringkat ladang atau *ex-farm* kepada RM6.80 sekilogram, berbanding RM6 sekilogram harga kawalan ditetapkan kerajaan.

Bersambung di muka 3

Kartel, *integrator* tipu harga ayam peringkat ladang

Dari muka 1

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 18 Oktober lalu menetapkan harga kawalan jualan ayam peringkat ladang kepada RM6 sekilogram bagi Semenanjung.

KPDNHEP juga menetapkan harga kawalan ayam peringkat pemborong RM8.10 sekilogram dan harga kawalan ternakan itu di peringkat peruncit pula adalah RM9.40 sekilogram.

Sementara itu, beberapa penternak kontrak yang menandatangani perjanjian ternakan dengan kartel dan *integrator* sewaktu dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, di peringkat ladang ternakan ayam kontrak,

mereka tidak dibenarkan menjual ayam lebih daripada harga kontrak yang ditandatangani iaitu maksimum RM6.

Mengulas perkara itu, sumber berkata, ketirisan dan ketidakpatuhan harga bermula di peringkat ladang di mana kartel dan *integrator* menipu invoice ayam apabila menyediakan dua invoice bagi mengelak dicekup penguat kuasa.

Katanya, invoice pertama jualan ayam yang dikeluarkan kartel berjumlah RM6 sekilogram, namun mereka juga menyediakan satu invoice khas berjumlah 80 sen sekilogram ayam, bertujuan mengaburi mata penguat kuasa yang melakukan serbuan dan tinjauan ke ladang ayam mereka.

"Ada Kementerian memang tak mahu mengakui bahawa sebilangan besar pemain gergasi industri ayam menipu invoice harga ayam peringkat ladang atau kita panggil *ex-farm*. Mereka tahu penipuan itu memang berlaku sebenarnya. Penipuan peringkat ladang itu berlaku apabila kerajaan menetapkan kawalan harga peringkat ladang, iaitu ayam hidup di peringkat tersebut haruslah dijual tidak lebih RM6 sekilogram.

"Kemudian, kawalan harga peringkat borong ditetapkan RM8.10 sekilogram. Lepas itu, harga di peringkat runcit ditetapkan kerajaan pada RM9.40 sekilogram, tapi di pasar kita lihat, peruncit men-

jual ayam pada harga lebih RM10 sekilogram. Jadi, di mana kawalan harganya?" Soal sumber di sini semalam.

Sumber berkata, alasan kartel dan *integrator* mengenakan bayaran tambahan mencecah 80 sen sekilogram ayam, kononnya terpaksa menampung kos pengangkutan, kos tangkap ayam dan kos sewa bakul.

"Modus operandi mereka di lapangan adalah dengan menyediakan dua invoice. Invoice pertama, mereka letak dan isytihar harga jualan *ex-farm* RM6. Tapi, pada masa sama mereka stand by invoice kedua pula berjumlah 60 sen sehingga 80 sen bagi sekilogram ayam," jelasnya.

Seludup telur ke Thailand punca bekalan kurang

KOTA BHARU – Kegiatan penyeludupan telur ke Thailand merupakan antara punca yang menyebabkan negara mengalami kekurangan kira-kira 100,000 biji bekalan telur sebulan.

Pengerusi Jawatankuasa Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa berkata, keadaan itu berlaku berikutan harga telur yang dijual negara tersebut jauh lebih mahal berbanding di sini.

"Jadi, kita berharap mereka yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan supaya dapat memberikan kerjasama kepada jawatankuasa untuk tidak membawa telur ke Thailand.

"Bekalan telur tidak dapat ditambah dengan kadar segera memandangkan proses ayam gantian untuk menghasilkan telur baharu memerlukan tempoh masa sehingga empat

bulan," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan bantuan kepada mangsa ribut di Kampung Tegayong, Melor di sini kelmarin.

Mengulas lanjut, Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, berdasarkan siasatan, ayam yang menghasilkan telur disembelih terlebih awal sedangkan ia masih lagi mampu mengeluarkan telur.

Katanya, proses ayam gantian untuk mendapatkan bekalan telur baharu itu menjadi lambat.

"Keadaan itu menyebabkan kerajaan perlu menambah RM20 juta sebulan untuk pulihkan bekalan telur, impaknya masih belum ada sehingga ke hari ini.

"Kita jangka bekalan telur ayam mungkin akan pulih pada akhir Disember ini," katanya.



HARGA telur di Thailand dijual lebih mahal berbanding di negara ini.